

**Letak calon Melayu jika DAP Kedah dapat lebih kerusi
Utusan Online
11 April, 2012**

ALOR SETAR 10 April - DAP Kedah tidak menolak kemungkinan akan meletakkan calon Melayu parti itu untuk bertanding di kawasan majoriti Melayu seperti di Dewan Undangan Negeri (DUN) Bakar Bata pada Pilihan Raya Umum Ke-13.

Pengerusinya, Lee Guan Aik berkata, pihaknya tidak menafikan kemungkinan tersebut jika hasrat mereka untuk menambah kerusi bagi ditandingi parti itu dipersetujui kepimpinan Pusat.

"Saya tidak nafikan kemungkinan itu. Masih awal untuk membuat keputusan kerana saya tidak tahu berapa kawasan dapat tambahan kerusi. Apa pun kena tunggu keputusan kepimpinan Pusat," katanya kepada pemberita di pejabatnya, di sini hari ini.

Sebelum ini, akhbar melaporkan mengenai isu perebutan kerusi antara DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) Kedah yang semakin panas apabila kedua-dua parti itu terus buntu untuk mencari kata sepakat walaupun ia sepatutnya diselesaikan lebih dua bulan lalu.

Kerusi yang menjadi perebutan PKR dan DAP termasuk Parlimen Alor Setar dan Padang Serai manakala kerusi DUN pula ialah kawasan Bakar Bata, Gurun, Bakar Arang, Lunas dan Derga.

Pada pilihan raya umum lalu, Kedah yang mempunyai 36 kerusi DUN menyaksikan Pas bertanding di 24 kerusi, PKR (10 kerusi) dan DAP (dua kerusi) manakala DAP dan PKR bertembung di kerusi DUN Derga akibat enggan mengalah.

Guan Aik berkata, DAP Kedah tetap tidak berganjak dengan hasrat mahu bertanding di enam kerusi DUN dan dua kerusi Parlimen dalam pilihan raya umum akan datang.

Bagaimanapun katanya, sehingga kini beliau masih tidak mengetahui bilakah jawapan mengenai tuntutan DAP Kedah itu akan diumumkan oleh kepimpinan Pusat.

Ditanya apakah mungkin berlaku pertandingan tiga penjuru jika hasrat DAP Kedah untuk bertanding di lebih banyak kerusi tidak dipersetujui, Guan Aik tidak menafikan kemungkinan itu tetapi menyifatkan sebarang tindakan perlu menghormati keputusan pucuk pimpinannya.

"Kita kena tengok dulu keputusan Pusat baru boleh kita buat keputusan. Itu pun kena melalui Pusat untuk memutuskan semua yang patut diambil atau tidak. Saya akan bagi tahu apabila sampai masanya nanti," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0411&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_08.htm